

22 OCT 2001

KWSP-Anuiti

KWSP MOHON BANK NEGARA KURANG CAJ PENALITI SKIM ANUITI

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah memohon kepada Bank Negara supaya mengurangkan kadar caj penalti peserta Skim Anuiti Konvensional yang ingin menarik diri.

Pengurus Perhubungan Awam KWSP, Nik Affendi Jaafar berkata mengikut perjanjian antara syarikat insurans yang terlibat dalam skim itu dengan pemegang polisi, mereka yang membatalkan penyertaan perlu membayar penalti 7 peratus daripada jumlah caruman manakala Skim Anuiti Takaful pula mengenakan bayaran sebanyak RM50 sebagai caj penalti.

Skim Anuiti Konvensional, dikendalikan oleh enam syarikat insurans swasta iaitu Malaysia Assurance Alliance Bhd, John Hancock Life Insurans Malaysia Bhd, Mayban Life Assurance Bhd, Malaysia National Insurance Bhd, MCIS Insurance Bhd dan Hong Leong Assurance Bhd manakala syarikat takaful yang mengendalikan skim itu ialah Takaful Nasional Sdn Bhd dan Syarikat Takaful Malaysia Bhd.

Kedua-dua skim itu yang dilancarkan pada 1 Julai tahun lepas telah digantung pada 1 Mei lepas berikutan bantahan MTUC. Pada 5 Okt lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan skim itu akan diambil alih oleh KWSP sepenuhnya.

Sebanyak 286,000 pencarum KWSP telah memilih skim anuiti konvensional dan takaful ini dengan jumlah pelaburan kira-kira RM4,000 juta.

Dalam satu kenyataan hari ini bagi menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai skim baru iaitu Skim Pengeluaran Bayaran Bulanan (SPBB), yang menggantikan skim anuiti yang ada, Nik Affendi berkata pencarum yang memilih untuk membatalkan penyertaan dalam skim anuiti itu boleh memilih untuk memindahkan premium anuiti ke dalam Akaun 1 atau akaun baru iaitu Akaun 4, yang akan melayakkan mereka menyertai SPBB jika memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Beliau berkata ahli KWSP yang memohon untuk menyertai Skim Anuiti semasa skim itu digantung, tidak akan diproses dan borang permohonan akan dilupuskan.

"Bagaimanapun, ahli yang telah menyertai Skim Anuiti akan terus menikmati faedah-faedah yang disediakan di bawah skim ini," katanya.

SPBB yang akan dilancarkan pada 1 Januari tahun depan, merupakan skim pilihan yang hanya terbuka kepada ahli KWSP yang belum mencapai umur 55 tahun.

Nik Affendi berkata satu akaun baru iaitu Akaun 4 diwujudkan untuk skim ini yang akan membuat bayaran bulanan kepada ahli untuk tempoh 20 tahun, dan ahli KWSP yang menyertai skim ini boleh memindahkan simpanan mereka tidak melebihi 50 peratus daripada Akaun 1 ke Akaun 4 untuk permulaan.

"Berikutnya, simpanan dalam Akaun 4 juga akan meningkat dengan jumlah tidak melebihi 50 peratus daripada caruman bulanan Akaun 1," katanya.

Pencarum yang mencapai umur 55 tahun dan mempunyai simpanan sekurang-kurangnya RM24,000 dalam Akaun 4 akan menerima bayaran bulanan tertakluk kepada jumlah simpanan yang terdapat dalam akaun itu, beserta dividen bagi tahun berkenaan.

Sekiranya simpanan dalam Akaun 4 kurang daripada RM24,000 semasa ahli berumur 55 tahun, ahli boleh memilih untuk menampung kekurangan ini daripada simpanan dalam Akaun 1, 2 dan 3.

Nik Affendi berkata, jika ahli memilih untuk tidak menampung kekurangan itu, keempat-empat akaun tersebut akan disatukan dan ahli boleh mengeluarkannya secara sekaligus.

" Seperti akaun-akaun lain, Akaun 4 juga akan menerima dividen tahunan yang diisytiharkan, dan dividen ini akan diagihkan bersekadar ke dalam keempat-empat akaun berdasarkan kepada baki simpanan setakat 31 Disember," katanya.

Beliau berkata ahli yang memilih menyertai skim ini akan menerima dividen tahunan beserta bayaran bulanan sebaik sahaja kadar dividen tahunan diisytiharkan oleh KWSP.

Bagaimanapun, sekiranya ahli meninggal dunia sebelum mencapai umur 75 tahun, baki simpanan dalam keempat-empat akaun akan dibayar kepada penama atau waris ahli secara sekaligus, katanya.

Nik Affendi berkata memandangkan skim ini hanya untuk tempoh 20 tahun, ahli tidak akan menerima sebarang bayaran selepas umur 75 tahun, dan ahli yang menyertai skim ini tidak boleh membatalkan penyertaan mereka.

Bagi ahli yang telah mencapai umur 55 tahun, mereka boleh memilih Skim Pengeluaran Bayaran Berkala yang telah diperkenalkan pada November 1994, yang akan memberikan bayaran bulanan untuk tempoh sekurang-kurangnya lima tahun.

Ahli mesti mempunyai simpanan sekurang-kurangnya RM12,000 di KWSP untuk layak memilih skim ini yang menawarkan satu lagi pilihan untuk memperolehi pendapatan tetap semasa persaraan, katanya.

-- BERNAMA

HK MFJ MAI